

24 FEB 1997

Mahathir - MSC

KORIDOR RAYA MULTI MEDIA DILANCAR BULAN DEPAN, KATA PERDANA MENTERI

SEREMBAN, 24 Feb (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka dilancarkan bulan depan dengan Multimedia University dan Nippon Telephone and Telegraph (NTT) menjadi dua pertubuhan yang pertama memulakan operasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dijangka memberi lampu hijau kepada kedua-dua pertubuhan tidak lama lagi, menjadikannya projek "percubaan" MSC yang pertama iaitu ilham Dr Mahathir.

Beliau berkata NTT akan menubuhkan kemudahan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sementara universiti berkenaan akan ditempatkan di "Cyberjaya" dekat Putrajaya, pusat pentadbiran baru.

Dr Mahathir berkata setakat ini MDC telah menerima lebih 400 pertanyaan daripada syarikat multimedia usahasama tempatan dan asing, kebanyakannya berurusan dengan perisian dan pengeluar komponen elektronik sejak lawatannya ke Amerika Syarikat dan Jepun bulan lepas dalam misi untuk "memperkenalkan" MSC.

"Tetapi senarai itu tidak lengkap. Saya sendiri juga menerima banyak pertanyaan," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Samsung Electronics di Sungai Gadut, dekat sini.

Perdana Menteri berkata sambutan untuk MSC "cukup hangat...sehingga beratus-ratus pertanyaan dan cadangan diterima daripada syarikat-syarikat besar dan kecil".

Beliau berkata MDC akan mengkaji semua cadangan yang diterima setakat ini sebelum membuat keputusan mengenai syarikat-syarikat itu. MC akan membuat penilaian dan menentukan syarikat yang boleh diiktiraf.

"Kita tidak hendak semua syarikat. Kita hendak syarikat yang khusus mengenai IT (Teknologi Maklumat)," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia mahu syarikat-syarikat yang berminat menyertai projek MSC supaya memusatkan kilang pengeluaran, kemudahan penyelidikan pembangunan dan operasi di sini.

Mengenai pembabitatan syarikat tempatan dalam MSC, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan sebarang syarat terhadap syarikat asing untuk mengadakan usahasama dengan syarikat tempatan kerana ia mungkin menyebabkan syarikat asing berkenaan tidak berminat kerana ada sekatan.

Beliau juga berkata kerajaan tidak mempunyai cadangan buat masa ini untuk menetapkan kuota bagi syarikat-syarikat tempatan yang ingin terlibat bersama dalam MSC.

"Bidang IT ini satu bidang yang baru dan kita tidak boleh menyekat orang itu dan ini. Itu akan datang apabila kita sudah selesai dengan MSC," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengkaji satu polisi untuk memberi peluang kepada syarikat tempatan mengambil bahagian selepas didapati MSC boleh dikembangkan ke seluruh negara.

"MSC merupakan satu eksperimen ataupun "to test the platform" untuk memasuki industri IT," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata syarikat tempatan perlu bersaing dengan syarikat multimedia kerana jika kita mula menghadkannya, kita akan menghalang teknologi paling moden daripada memasuki.

Mengenai syarikat asing pula, Dr Mahathir berkata mereka akan dibenarkan membawa masuk pakar atau pekerja mahir dalam bidang IT untuk tempoh yang diperlukan tanpa sebarang had.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan

kemajuan MSC.

Dr Mahathir juga berkata beliau baru-baru ini diberi taklimat mengenai kemajuan dalam pelaksanaan konsep "kerajaan elektronik" yang langkah pertamanya ialah memperkenalkan "pondok elektronik" sama seperti Automated Teller Machines dan tidak perlu berurusan di kaunter dan menemui pegawai.

Perdana Menteri berkata beliau akan berlepas ke Tokyo tidak lama lagi untuk lawatan rasmi atas undangan Rakan Sejawatannya dari Jepun Ryutaro Hashimoto.

--BERNAMA

ES RAB FAZ